

## **Membanteras Penderaan Kanak-kanak Tanggungjawab Kita Bersama**



Oleh: Norasyikin Samsuden

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 2 Julai 2021*

Jumlah kes pengabaian kanak-kanak yang berlaku di Malaysia semakin membimbangkan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 2,236 kes pengabaian kanak-kanak dilaporkan pada tahun 2015.

Jumlah itu meningkat kepada 2,547 kes pada tahun 2016 dan diikuti sebanyak 2,410 kes pada tahun 2017.

Tahun ini, kes sebegini dilihat masih terus berlaku. Trend ini menunjukkan seolah-olah tiada langkah penyelesaian yang efektif diambil.

Memang tidak dinafikan bahawa undang-undang merupakan salah satu mekanisme penting untuk menangani isu ini. Namun, adakah ia memadai?



Gambar hiasan

Perasaan marah dan simpati bercampur baur apabila membaca berita mengenai kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan dalam media massa atau yang tular dalam media sosial.

Insiden penderaan semestinya memberi kesan yang mendalam terhadap kanak-kanak yang mengalaminya. Bukan hanya kesan parut dan luka yang ditinggalkan, malah emosi dan mental mereka turut terjejas.

Seperti yang pernah dilaporkan oleh Astro Awani sepanjang tempoh November 2017 hingga Januari 2018, terdapat banyak kes penderaan kanak-kanak termasuk insiden melibatkan bayi dipukul tanpa belas kasihan.

Yang terbaharu, pada 12 Jun lalu, dua pekerja taska ditahan polis kerana memukul kanak-kanak dengan bantal pada bahagian kaki dan kepala.

Walaupun mereka mungkin dibelenggu masalah lain, pengasuh taska tidak sepatutnya melepaskan kemarahan terhadap kanak-kanak di bawah jagaan mereka.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes penderaan melibatkan ibu bapa mencatatkan peningkatan sehingga 20 peratus sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan mulai Mac tahun lalu.

Senario itu dipercayai berlaku ekoran tekanan emosi dan mental yang dihadapi oleh ibu bapa akibat krisis ekonomi yang dicituskan pandemik COVID-19.

Situasi penderaan kanak-kanak seperti yang digambarkan melalui statistik itu amat membimbangkan. Setiap anggota masyarakat perlu mengambil berat tentang isu ini.

Seharusnya, kita menjadi mata dan telinga pihak berkuasa dengan melaporkan kes penderaan kepada pihak berkuasa. Istilah menjaga tepi kain orang boleh diguna pakai dalam hal ini.

Jika terdengar suara tangisan kanak-kanak yang mencurigakan di kejiranan kita, jangan biarkan begitu sahaja. Jangan nanti apabila sudah terjadi kes penderaan, baru kita menyesal kerana tidak ambil peduli.

Mengikut perspektif Islam, penderaan merupakan suatu perbuatan yang ditegah dan dilarang. Terdapat banyak dalil syarak yang menyebut tentang kepentingan berkasih sayang sesama manusia dan makhluk yang lain.

Contohnya, dapat dilihat dalam tafsir surah Maryam ayat ke 96 iaitu, “Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang.”

Melalui ayat tersebut, jelas bahawa kasih sayang itu adalah salah satu tanda keimanan dalam diri seseorang.

Apabila hilang perasaan kasih sayang maka terjadilah isu penderaan dan sudah pasti ia perlakuan yang bertentangan dengan syariat Islam.

Masyarakat tidak sepatutnya hanya diam membisu apabila melihat insiden penderaan kanak-kanak berlaku di sekeliling mereka.

Insiden penderaan boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa melalui talian 1-800-88-3040 kepada Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

Selain itu, laporan juga boleh terus dibuat di balai polis atau Pejabat Kebajikan Masyarakat yang berhampiran.

Langkah tersebut membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 agar mereka yang disyaki mendera kanak-kanak dapat didakwa di mahkamah.